

Tak perlu samak tempat dicat guna berus bulu babi

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT beresesuaian dengan fitrah dan jiwa manusia yang mempunyai kecenderungan kepada perkara yang baik dan bersih. Firman Allah SWT dalam al-Rum ayat 30 yang bermaksud "Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; tetaplah atas fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah (itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Fitrah yang baik dan bersih menjadikan seseorang itu patuh kepada perintah dan tidak melanggar larangan Allah SWT. Antara larangan yang terdapat jelas dalam al-Quran ialah pengharaman babi. Firman-Nya dalam surah al-Ma'idah ayat ketiga yang bermaksud "Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), darah (yang keluar mengalir) dan daging

babi (termasuk semuanya)".

Menurut Imam Fakhr al-Din al-Raziyy dalam kitab tafsirnya al-Kashhaf pengharaman daging babi dalam ayat di atas turut memabitkan seluruh anggota babi. Ayat ini hanya menyebut daging kerana kebiasaannya penggunaan babi dikaitkan dengan makanan. Pada masa ini, babi dijadikan antara bahan untuk membuat berus yang digunakan untuk mengecat dan menyediakan makanan.

Penggunaan secara tak sedar dimaafkan

Berkaitan isu yang timbul mengenai penggunaan berus untuk mengecat dan menyediakan makanan, kita hendaklah memahami bahawa penggunaan bahan berus cat yang diperbuat daripada babi secara tidak disedari dimaafkan oleh syarak. Ini bermaksud, tempat yang telah dicat menggunakan berus diperbuat daripada babi tidak perlu disamak. Tamba-

han pula, zat babi yang terdapat pada berus tidak berpindah kepada cat diperbuat daripada bahan lain.

Selain itu, sesuatu yang tidak dapat dikesan secara zahir tidak boleh dihukum berubah menjadi haram. Ini bertepatan dengan keadaan syarak yang berbunyi 'asal sesuatu itu ialah harus.' Islam adalah agama yang tidak membebankan penganutnya. Islam memerhatikan kepentingan hidup manusia serta kelemahan yang ada pada dirinya.

Seorang Muslim dibenarkan untuk melakukan yang haram atau memakan sesuatu yang haram apabila berada dalam keadaan terpaksa atau mendesak dirinya untuk menjaga diri dari kebiasaan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 173 yang bermaksud: "Barangsiapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja atau tidak melewati batas, maka tiada dosa atasnya, kerana sesungguhnya Allah Maha

Pengampun dan Maha Penyayang".

Najis mughallazah

Namun demikian, ini tidak berarti isu berkaitan babi boleh diambil mudah oleh umat Islam. Babi diklasifikasikan sebagai najis berat yang dikenali dengan najis mughallazah. Dalam mazhab Syafie terdapat tatacara khusus untuk membersihkan najis kategori ini. Caranya ialah dengan membasuh objek yang terkena najis babi sebanyak tujuh kali dan satu daripadanya menggunakan air bercampur tanah.

Umat Islam hendaklah berusaha menghindari penggunaan bahan-bahan yang diperbuat daripada unsur najis terutama babi. Semua pihak termasuk kerajaan, NGO, peniaga dan orang perseorangan hendaklah memainkan peranan masing dalam memastikan pihak pengguna terjamin daripada terbabat dengan bahan yang diharamkan oleh Islam.

Komentari



Dr Muhammad Adib Samsudin

Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)